

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.09.2025 MASA: 4:10PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**HARI CUCI MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PULAU
PINANG TAHUN 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**27 SEPTEMBER 2025 (SABTU)
9.00 PAGI**

**PERKARANGAN MENARA BANDARAYA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu

EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar

2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

3. Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed

Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap

Penyelaras Perasmian Hari Cuci Malaysia Peringkat Negeri

Pulau Pinang

Tahun 2025

4. Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

5. Rakan-Rakan Media

6. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini sempena **Hari Cuci Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2025.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Perai, atas kesudian Yang Berhormat hadir untuk merasmikan program yang penuh makna ini. Setinggi-tinggi apresiasi juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang sentiasa menjadi tonggak utama dalam menjana dasar serta inisiatif kebersihan negara, khususnya melalui keputusan Jemaah Menteri yang menetapkan Sabtu terakhir bulan September pada setiap tahun sebagai Hari Cuci Malaysia di seluruh negara.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada semua tetamu yang hadir; wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan, rakan-rakan

strategik, pertubuhan komuniti, para sukarelawan, warga kerja MBSP serta masyarakat setempat yang sentiasa mendokong agenda kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan semangat kebersamaan, kesukarelawanan dan cinta akan bumi Seberang Perai.

4. Hari Cuci Malaysia bukan sekadar sebuah program gotong-royong biasa, tetapi merupakan manifestasi tanggungjawab bersama untuk memperkuuh budaya kebersihan awam, memerangi pencemaran sisa, serta memperindah imej negara di mata dunia. Program ini mendidik kita bahawa kebersihan adalah asas kesejahteraan masyarakat, malah mencerminkan jati diri bangsa yang berdisiplin dan bertamadun.
5. Penganjuran pada tahun 2024 lalu telah mengukir sejarah tersendiri apabila mencatatkan tiga (3) rekod baharu dalam The Malaysia Book of Records (MBR), iaitu:
 - a) Penyertaan teramai seluruh negara, seramai 58,007 orang;
 - b) Jumlah kutipan sisa pepejal terbanyak dalam sehari, sebanyak 4,645.5 tan metrik; dan
 - c) Pelaksanaan gotong-royong terlama iaitu 12 jam tanpa henti.

Untuk makluman, jumlah kutipan sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang bagi program ini pada tahun 2024 ialah sebanyak 67.40 tan metrik.

Pencapaian ini membuktikan bahawa dengan tekad, kerjasama dan iltizam kolektif, sesuatu yang luar biasa mampu direalisasikan.

6. Pada tahun ini, Pulau Pinang sekali lagi tampil dengan semangat baharu. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selaku tuan rumah telah menyusun pelaksanaan Hari Cuci Malaysia 2025 bukan sahaja di Bandar Perda, malah diperluaskan ke tiga (3) lokasi lain secara serentak, iaitu di Taman Abdullah Fahim (SPU), Taman Impian Bukit Mertajam (SPT), dan Taman Nibong Tebal Jaya (SPS). Usaha ini diyakini mampu meningkatkan penglibatan masyarakat dengan sasaran seramai 700 orang peserta di bawah pentadbiran MBSP dan MBPP.
7. Menariknya, penganjuran pada tahun ini turut menyasarkan penciptaan rekod baharu dalam MBR bagi kategori Jumlah Minyak Masak Terpakai Terbanyak Dikumpulkan. Namun demikian, sasaran kita tidak terhenti di situ semata-mata. Malah, kita berhasrat untuk memecah rekod terdahulu dan mencipta rekod baharu, meliputi jumlah penyertaan teramai, jumlah kutipan sisa pepejal terbanyak, mobilisasi aset terbesar serta tempoh pelaksanaan gotong-royong terpanjang. Aspirasi ini membuktikan tekad Pulau Pinang untuk tampil sebagai negeri contoh dalam agenda kebersihan, kelestarian dan pengurusan sisa yang holistik.

8. Selain kerja-kerja gotong-royong, program pada pagi ini turut diserikan dengan pelbagai pengisian lain seperti pameran kitar semula, kempen hapus plastik sekali guna, pameran *upcycle*, pameran AADK, pemeriksaan kesihatan dan demonstrasi kesedaran alam sekitar. Semua ini memperlihatkan bahawa kebersihan bukan sahaja soal menyapu sampah, tetapi berkait rapat dengan pembentukan gaya hidup lestari.
9. Sehubungan itu, saya menyeru seluruh warga Pulau Pinang agar menjadikan budaya menjaga kebersihan sebagai amalan hidup seharian, bukan hanya ketika berlangsungnya program seperti ini. Ingatlah, kebersihan adalah warisan yang harus dipertahankan demi generasi akan datang.
10. Harapan saya agar inisiatif ini terus disemarakkan sehingga menjadi sebahagian daripada DNA masyarakat Pulau Pinang. Biarlah setiap lorong, taman dan kawasan perumahan kita bersinar bersih, indah dan harmoni. Sesungguhnya, negeri yang bersih akan melahirkan rakyat yang sihat; masyarakat yang sihat pula akan membina negara yang kuat.
11. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjayakan Hari Cuci Malaysia 2025 ini dengan penuh kesungguhan. Semoga usaha murni ini mendapat keberkatan Allah SWT dan menjadi bukti bahawa rakyat

Pulau Pinang adalah masyarakat yang berjiwa besar, berdisiplin, berdaya saing serta sentiasa menghargai alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***